

17/04/2000

Perjuangan dalam Umno bukan untuk kepentingan diri

TEMU ramah khas Berita e-Umno bersama Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Soalan: Barisan Nasional (BN) sudah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Sanggang dengan ramai penyokong Melayu, baru-baru ini. Adakah ini menjadi petunjuk bahawa imej dan pengaruh Umno semakin pulih?

Dr Mahathir: Ia sedikit sebanyak memang pun menunjukkan imej Umno semakin pulih. Saya yakin ini bukan terhad kepada Sanggang sahaja.

Soalan: Apakah pandangan Datuk Seri mengenai pengundi Melayu yang mengundi pembangkang sebelum ini tetapi kini berpindah semula ke pangkuan BN?

Dr Mahathir: Saya percaya di tempat lain juga sudah ada petanda mereka sudah kembali semula kepada Umno dan BN. Sebab dahulunya mereka mengundi parti lawan kerana kita kurang memberi penerangan kepada mereka dan timbul kekeliruan di kalangan mereka.

Soalan: Adakah Datuk Seri bersetuju bahawa dalam pilihan raya lalu pengundi Melayu mengundi pembangkang semata-mata memberi peringatan atau 'show of protest' kepada sesetengah pemimpin yang mereka rasa kurang memberi kepentingan kepada rakyat? Kini orang Melayu sudah sedia kembali menyokong BN demi perpaduan dan agenda yang lebih besar lagi.

Dr Mahathir: Ada juga elemen seperti itu, iaitu untuk memperingatkan pemimpin-pemimpin kerajaan yang tidak menjalankan tugas mereka dengan sebenar dan saya percaya ini adalah satu kebaikan kerana apabila kita sudah memerintah sekian lama, besar kemungkinan kerana kedudukan kita itu adalah hasil daripada kerja kita yang kita buat untuk rakyat. Jadi mereka memperingati kita dan saya berpendapat bahawa orang Melayu sekarang ini sudah berpuas hati, sebahagian daripada mereka percaya mereka sudah pun beri amaran itu dan mereka khabarnya bersedia, saya fikir kembali menyokong Umno.

Soalan: Tapi Datuk Seri apakah terlalu banyak memberi amaran ini akan merosakkan orang Melayu sendiri yang mana akan merugikan bangsa itu sendiri?

Dr Mahathir: Ya, kadang-kadang kita terpaksa memberi amaran. Kalau kita tak beri amaran, kita akan lupa. Kita beri amaran bahawa orang Melayu masih lemah dan justeru itu mereka masih perlu kepada perpaduan. Kalau kita tak memberi amaran kerana hendak jaga hati mereka supaya tak tersinggung dan sebagainya kemungkinan mereka akan meneruskan dengan cara-cara mereka yang akan merugikan mereka. Jadi walaupun kita terpaksa berulang-ulang memberi amaran umpamanya kita mesti bersyukur, ini adalah kerana untuk kebaikan mereka.

Soalan: Kita lihat dalam Umno sendiri, punca kekalahan kita dalam pilihan raya lalu adalah sebab perpecahan dalam Umno itu sendiri. Ada pihak yang pulau memulau dan ada pihak yang tak hendak buat kerja. Jadi apakah perpaduan ini sudah bertaut kembali dalam Umno?

Dr Mahathir: Kita sudah wujud lebih daripada 50 tahun. Pada mulanya kita tubuh untuk melawan Malayan Union dan memperjuangkan kemerdekaan. Tidak ada perjuangan untuk diri sendiri. Umno bukan ditubuh untuk dijadikan Datuk Onn sebagai presiden dan sebagainya. Jadi kita semua berjuang untuk matlamat Umno ditubuh iaitu untuk bangsa, agama dan negara. Lama kelamaan pemimpin dan ahli-ahli yang menyertai Umno selepas ia wujud selama 50 tahun, mereka lupa tentang perjuangan asal Umno dan berpendapat sebenarnya perjuangan ini untuk tempat bagi diri sendiri. Sebab itu mereka semua

bertanya "saya sudah lama dalam Umno apa saya dapat?" Jadi soalnya terhadap dirinya apa yang dia dapat, sedangkan kita sudah dapat banyak. Pertamanya kemajuan bangsa kita adalah sesuatu yang dinikmati oleh kita sendiri, peluang kerja, peluang dapat biasiswa, peluang berniaga dan orang lain sekarang ini pandang hormat kepada orang Melayu. Ini adalah apa yang kita dapat hasil perjuangan Umno. Walaupun mungkin kita minta lesen tak dapat, kita tak dapat menang tender dan sebagainya, itu kita tak jamin. Kita akan usaha tapi kita tak jamin semua orang akan dapat apa yang mereka tuntut.

Soalan: Datuk Seri sudah mewujudkan banyak kemajuan dan pembangunan untuk orang Melayu tetapi nampaknya orang Melayu tidak bersyukur. Apa komen Datuk Seri?

Dr Mahathir: Ini hasil ajaran sesetengah orang. Kita masih ingat ada yang berkata orang Melayu harus kurang ajar, ada juga yang berkata bahawa kita tidak perlu bersyukur kepada pemberian oleh kerajaan kerana mana-mana kerajaan pun akan memberi benda yang sama. Jadi tak perlu kita berterima kasih. Ada juga ajaran yang berkata bahawa kita hanya bersyukur kepada Tuhan, tidak perlu bersyukur kepada orang yang memberi sesuatu kepada kita kerana pemberian itu datangnya dari Tuhan. Kita tak nafikan ianya datang dari Tuhan tapi kita harus ingat bahawa agama kita sendiri dibawa oleh Nabi Muhammad. Apakah kita hanya bersyukur kepada Tuhan dan menolak Nabi Muhammad. Tentunya tidak. Ajaran ini dibawa oleh parti lawan kerana kalau mereka dapat menghapuskan perasaan kesyukuran di kalangan orang Melayu maka mereka akan mendapat sokongan orang ini.

Soalan: Apakah yang dibuat oleh Umno untuk kembali ke perjuangan asal dan apakah guru juga ada peranan kerana mereka juga terbabit dalam perjuangan Umno?

Dr Mahathir: Kita perlu beri penjelasan apakah sebenarnya perjuangan Umno kerana kita sudah lupa asas perjuangan ini dan penerangan ini perlu juga disampaikan kepada guru-guru. Guru-guru memang dulu adalah pejuang kebangsaan dan Umno menjadi salurannya. Sekarang ini mungkin mereka rasa kecewa entah kenapa oleh sebab itu mereka tidak ingin mengetahui tentang perjuangan Umno yang sebenarnya. Sebab itu mereka tidak dapat memberi penerangan kepada murid-murid tentang perjuangan kebangsaan kita.

Soalan: Sekarang ini kita lihat peranan sesetengah guru tidak memenuhi perjuangan Umno tapi sebaliknya menjadi perosak dengan menyebarkan dakyah dan mempengaruhi serta mengeksploitasi pelajar seperti yang kita lihat di pilihan raya Sanggang. Apa komen Datuk Seri?

Dr Mahathir: Itu adalah hasil daripada kurang pengetahuan mereka tentang perjuangan Umno, tentang pentingnya usaha Umno untuk memelihara hak orang Melayu diteruskan. Mereka berpendapat kalau mereka merosakkan Umno, orang Melayu tidak akan rosak. Ini adalah salah kerana kalau berlaku perpecahan dan mungkin orang yang tidak berupaya akan mempengaruhi kerajaan atau mungkin menguasai kerajaan dan dengan itu kalau ada masalah-masalah yang besar seperti kegawatan ekonomi mungkin kita tak dapat tangannya dan mungkin kita terpaksa tunduk kepada kuasa asing.

Soalan: Sejak kebelakangan ini ada banyak provokasi dan hasutan dari pihak pembangkang tetapi peranan kerajaan khususnya Umno adalah agak lembut. Contohnya Harakah yang telah banyak menaburkan dakyah tapi kerajaan tidak bertindak tapi kalau di Kelantan atau Terengganu mereka akan bertindak. Kita berlembut, kita tidak suruh tutup Harakah tetapi kita beri dia dua minggu sekali. Apa komen Datuk Seri?

Dr Mahathir: Kita mungkin tak begitu kerana kita ingin menyedarkan orang, bukan untuk menekan sesiapa. Sebab itu kita tidak singkir pekerja yang menentang kita seperti mana di Terengganu menyingkir sesiapa yang dianggap tidak bersimpati dengan mereka tapi kita bersikap berlainan dan kita berdoa sikap kita akan dihargai oleh mereka dan mereka tidak buat sesuatu

yang tidak baik bagi mereka dan bercanggah dengan ajaran Islam itu sendiri.

Soalan: Di Pahang kita lihat Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob memecah tradisi dengan mengesyorkan supaya orang BN dan Umno mesti berani dan ini telah menjadi kegentaran kepada pihak pembangkang. Apa komen Datuk Seri mengenai tindakan sebegini?

Dr Mahathir: Kadang-kadang kalau provokasi terlampau sangat mungkin respon dia jadi sedemikian tapi ini bukanlah cara Umno sebenarnya tapi kalau diadakan provokasi yang terlalu ganas tak dapat tidak Umno mesti bertindak dengan cara yang lebih keras.

Soalan: Dalam Umno kita dapati barisan pelapis Umno agak ketandusan, sedangkan Datuk Seri telah merintis dan membawa kemajuan Umno sebegini jauh. Apakah usaha Umno menyediakan barisan pelapis untuk meneruskan perjuangan ke tahap tertinggi?

Dr Mahathir: Kita sedang dan sentiasa menyusun barisan pelapis. Mungkin kita tidak nampak kebolehan mereka tapi kita sedar apabila seseorang itu diberi tanggungjawab kita dapat melihat dengan nyata kebolehan mereka. Saya pernah dianggap oleh orang Cina sebagai orang yang paling tidak berguna sekali tapi sekarang ini mereka bertukar pendapat selepas saya diberikan peluang untuk membuktikan kebolehan. Generasi akan datang akan menjadi barisan pelapis apabila mereka diberikan peluang untuk menerajui kerajaan. Saya yakin mereka akan dapat menunjukkan potensi mereka.

Soalan: Di Indonesia kita lihat semacam ada sesuatu penjajahan baru hasil pinjaman daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) di mana sekarang Henry Kissinger menjadi penasihat dan George Soros membeli Gudang Garam. Apakah ini suatu kolonialisme?

Dr Mahathir: Baru-baru ini kita dapati kerana Indonesia tidak menubuhkan badan pencegah rasuah, IMF tidak menghulurkan pinjaman seperti yang dijanjikan. Ini membuktikan IMF menggunakan wang untuk memaksa Indonesia. Kalau sesuatu negara dipaksa berbuat sesuatu walaupun benda itu ingin dibuat tetapi kalau dipaksa sedikit sebanyak kebebasan terhakis. Jadi kalau ini berterusan mungkin ini akan sampai ke tahap di mana kemerdekaan sudah tidak mempunyai makna lagi.

Soalan: Dalam Harakah baru-baru ini Nik Aziz mendakwa masalah perpecahan dan perpaduan orang Melayu tidak pernah dibincang dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Dr Mahathir: Nik Aziz berada dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja baru-baru ini saja sejak dia jadi Menteri Besar. Saya sudah lama berada dalam Majlis Raja-Raja dan saya tahu raja-raja biasa menyuarakan pandangan mereka terhadap perpaduan orang Melayu. Mungkin tidak mesyuarat secara formal tetapi sebelum mesyuarat secara formal kita biasa ada perbincangan antara raja-raja, gabenor dan saya sebagai Perdana Menteri dan di waktu itu ada kalanya raja menyuarakan kekhuatiran mereka terhadap perpaduan orang Melayu.

Soalan: Patutkah kerajaan mengesyorkan supaya ulama bersikap realistik dan berani dalam memperbetulkan hukum-hakam yang diselewengkan oleh pihak tertentu yang boleh menjuruskan perpecahan umat Islam di negara ini?

Dr Mahathir: Itu adalah hak mereka hendak menyuarakan atau tidak tetapi apabila kepercayaan kepada agama Islam hendak dilumpuhkan dan begitu lantang dan mengelirukan umat Islam di Malaysia, saya berpendapat sama ada ditanya ataupun tidak, sebagai ulama yang rasa tanggungjawab terhadap agama Islam, terhadap akidah orang Islam, mereka mestilah memperdengarkan ajaran Islam yang sebenarnya. Mereka tidak mahu terlibat dalam kontroversi kalau-kalau mereka dianggap menyertai politik dan sebab itulah mereka tidak begitu gemar membuat komen dan kenyataan yang dibuat oleh parti politik seperti Pas yang berani mengatakan seperti Tuhan mencarut yang mana ini tidak benar sama sekali. Selain itu mereka berkata hanya orang

yang menyertai Pas sahaja Islam dan memangkah parti Pas baru boleh ke syurga. Ini satu pembohongan besar yang dibuat oleh mereka. Malangnya mereka terus dan boleh membuat pembohongan ini dengan tidak ditegur cuma di kalangan ahli politik sahaja yang tampil menegur.

(END)